
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Ogos 2019

Inflasi keseluruhan pada amnya stabil

Sumbangan kepada Inflasi




- Inflasi keseluruhan pada bulan Ogos pada amnya stabil pada 1.5% (Julai: 1.4%).
- Inflasi makanan segar meningkat1.8% (Julai: 1.1%), berikutan kenaikan harga beberapa jenis makanan segar seperti ayam dan telur.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.5%.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan eksport lebih tinggi pada bulan Julai

Eksport Malaysia Mengikut Produk




- Eksport kembali pulih untuk meningkat kepada 1.7% pada bulan Julai (Jun: - 3.4%) berikutan eksport perkilangan yang kembali positif, termasuk separa konduktor dan produk bukan elektronik dan elektrik.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport dijangka kekal positif meskipun kenaikannya sederhana. Walaupun ketidakpastian mengenai prospek luaran masih agak ketara, prestasi eksport akan disokong oleh asas eksport Malaysia yang pelbagai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

Pembiayaan aktiviti ekonomi berterusan

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih[1] dan Paras Pengeluaran Pinjaman Sistem Perbankan



- Pembiayaan bersih[1] meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu 5.2% pada bulan Ogos (Julai: 5.6%), disebabkan oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih rendah (Ogos: 8.9%; Julai: 10.3%) dalam keadaan penebusan yang tinggi. Pertumbuhan pinjaman isi rumah dan perniagaan terkumpul mampan pada 4.6% dan 2.5% (Julai: 4.7% dan 2.5%).
- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kekal lebih tinggi sebanyak RM101.4 bilion berbanding dengan purata bulanan sebelum ini (Julai: RM102.4 bilion). Pengeluaran pinjaman mampan merentas semua sektor, termasuk PKS.


[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)], dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Bulanan
Ogos2019

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada bulan Ogos

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Ogos




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 2.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Ogos, sejajar dengan prestasi kebanyakan mata wang serantau. Susut nilai ini didorong oleh aliran keluar portfolio bukan pemastautin terutamanya daripada pasaran ekuiti, berikutan sentimen pelabur yang semakin lemah di tengah-tengah ketegangan perdagangan AS-RR China yang meruncing. Perkembangan ini mengakibatkan FBM KLCI merosot 1.4%, sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti serantau.
- Walau bagaimanapun, kadar hasil pasaran bon domestik menurun pada bulan Ogos kerana peningkatan ketara bon global yang menyumbang kepada permintaan yang bertambah baik terhadap bon Kerajaan. Susulan perkembangan ini, kadar hasil MGS 10 tahun yang menjadi tanda aras, menurun sebanyak 28.5 mata asas.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Sistem Perbankan: Kualiti Aset



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kualiti aset bank terus kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas bersih keseluruhan kekal stabil pada 1.0%.
- Bank terus mengekalkan tahap penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kerugian kredit. Hal ini dicerminkan oleh jumlah peruntukan (termasuk rizab pengawalseliaan) sebanyak 126.3% daripada jumlah pinjaman terjejas.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 09/19/10 **Untuk siaran segera**

SOROTAN BULANAN – OGOS 2019

Inflasi keseluruhan pada amnya stabil

- Inflasi keseluruhan pada bulan Ogos pada amnya stabil pada 1.5% (Julai: 1.4%).
- Inflasi makanan segar meningkat1.8% (Julai: 1.1%), berikutan kenaikan harga beberapa jenis makanan segar seperti ayam dan telur.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.5%.

Pertumbuhan eksport lebih tinggi pada bulan Julai

- Eksport kembali pulih untuk meningkat kepada 1.7% pada bulan Julai (Jun: -3.4%) berikutan eksport perkilangan yang kembali positif, termasuk separa konduktor dan produk bukan elektronik dan elektrik.
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport dijangka kekal positif meskipun kenaikannya sederhana. Walaupun ketidakpastian mengenai prospek luaran masih agak ketara, prestasi eksport akan disokong oleh asas eksport Malaysia yang pelbagai.

Pembiayaan aktiviti ekonomi berterusan

- Pembiayaan bersih[2] meningkat pada kadar yang lebih sederhana iaitu 5.2% pada bulan Ogos (Julai: 5.6%), disebabkan oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih rendah (Ogos: 8.9%; Julai: 10.3%) dalam keadaan penebusan yang tinggi. Pertumbuhan pinjaman isi rumah dan perniagaan terkumpul mampan pada 4.6% dan 2.5% (Julai: 4.7% dan 2.5%).
- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kekal lebih tinggi sebanyak RM 101.4 bilion berbanding dengan purata bulanan sebelum ini (Julai:

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.
[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)], dan bon korporat terkumpul.

RM102.4 bilion). Pengeluaran pinjaman mampan merentas semua sektor, termasuk PKS.

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur pada bulan Ogos

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 2.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Ogos, sejajar dengan prestasi kebanyakan mata wang serantau. Susut nilai ini didorong oleh aliran keluar portfolio bukan pemastautin terutamanya daripada pasaran ekuiti, berikutan sentimen pelabur yang semakin lemah di tengah-tengah ketegangan perdagangan AS-RR China yang meruncing. Perkembangan ini mengakibatkan FBM KLCI merosot 1.4%, sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti serantau.
- Walau bagaimanapun, kadar hasil pasaran bon domestik menurun pada bulan Ogos kerana peningkatan ketara bon global yang menyumbang kepada permintaan yang bertambah baik terhadap bon Kerajaan. Susulan perkembangan ini, kadar hasil MGS 10 tahun yang menjadi tanda aras, menurun sebanyak 28.5 mata asas.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

- Kualiti aset bank terus kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas bersih keseluruhan kekal stabil pada 1.0%.
- Bank terus mengekalkan tahap penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kerugian kredit. Hal ini dicerminkan oleh jumlah peruntukan (termasuk rizab pengawalseliaan) sebanyak 126.3% daripada jumlah pinjaman terjejas.

Bank Negara Malaysia
30 September 2019

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my